



## JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

### TEKS KHUTBAH

Tajuk:

**RAMADAN: MEDAN UJIAN SABAR**

Tarikh Dibaca:

**11 RAMADAN 1445H /  
22 MAC 2024**

Disediakan oleh:

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## RAMADAN: MEDAN UJIAN SABAR

22 MAC 2024 / 11 RAMADAN 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَٰٰيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَسْتَعِينُوا بِالصَّابِرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الْصَّابِرِينَ ١٥٣ (سورة البقرة)

أَشَهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang lagha seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Ramadan: Medan Ujian Sabar**”.

Hari ini masuk hari kesebelas kita berpuasa di Bulan Ramadan. Syukur kepada Allah SWT kerana kita masih lagi diberi peluang untuk merebut tawaran-tawaran Ramadan. Tidak

semua orang berpeluang untuk sampai ke tahap ini. Ada kalangan kita yang telah kembali kepada Allah SWT. Kita yang masih diberi peluang ini, maka bersungguh-sungguhlah melaksanakan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Teruskan berdoa untuk penduduk Palestin yang ditindas oleh rejim zionis Israel. Semoga Allah SWT memberi kekuatan, kesabaran dan kemenangan buat mereka dalam menghadapi tipu muslihat rejim zionis Israel *laknatullahi 'alaihim*.

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Kita sedia maklum bahawa Ramadan merupakan medan ujian kesabaran bagi setiap hamba Allah SWT. Ujian-ujian yang datang juga datang dalam pelbagai bentuk. Orang-orang yang berpuasa itu pastinya diuji dengan rasa lapar, dahaga dan letih. Dengan rasa lapar dan dahaga itu, diuji pula dengan macam-macam makanan yang terlintas di kepala atau yang dijual di bazar-bazar Ramadan. Akhirnya, kerana gagalnya mengawal nafsu, maka berlakulah pembaziran makanan ketika berbuka. Sedangkan puasa yang diajar dalam Islam itu bertujuan mengawal diri dari melakukan perkara-perkara yang dimurkai Allah SWT. Rasulullah SAW juga telah meninggalkan teladan yang baik dalam hal makan secara umumnya. Sabda Rasulullah SAW:

بَحَسِبِ ابْنِ آدَمْ أَكْلَاتُ يُقْمِنَ صُلْبَهُ، فَإِنْ كَانَ لَا مَحَالَةَ فَثُلَّتُ لِطَعَامِهِ وَثُلَّتُ لِشَرَابِهِ  
وَثُلَّتُ لِنَفْسِهِ

**Maksudnya:** “Cukuplah bagi anak keturunan Adam agar makan sekadar untuk menegakkan tulang sulbinya (tulang punggung). Melainkan jika dia tidak dapat mengelak, maka isilah 1/3 untuk makanannya, 1/3 untuk minumannya, dan 1/3 untuk nafasnya”.

(Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi)

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

At-Tabari berkata: “Walaupun kenyang itu dibolehkan, tetapi ia memiliki batas dan tidak boleh melampau dari itu. Kenyang yang dibenarkan secara umum ialah yang dapat membantu seseorang untuk melakukan ketaatan kepada Rabb-nya dan beratnya makan tidak menjadikannya lalai dari menunaikan kewajipannya”.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fathul Bari Syarah Shahih al-Bukhari, 9/528

Imam al-Qurtubi pula berkata dalam *al-Mufham* menyebutkan kisah Abu Haitham, ketika Nabi menyembelih seekor kambing untuknya dan untuk dua orang sahabatnya, mereka pun makan sehingga kenyang. Kata al-Qurthubi, “Dalam kisah ini terdapat dalil dibolehkan kenyang. Adapun hadis yang melarang kenyang, ia boleh difahami bahawa kenyang yang dilarang tersebut adalah yang memberatkan perut dan menghalang orang untuk melaksanakan ibadah, melahirkan perasaan sombong, angkuh, asyik tidur, dan menjadi malas. Kenyang yang dibenci ini boleh menjadi haram bersetujuan dengan kesan buruk yang ditimbulkannya”.<sup>2</sup>

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bulan Ramadan mengajar kita banyak pelajaran sabar. Sikap sabar ini pula sudah tentunya memiliki banyak kelebihan dan keutamaannya. Antaranya firman Allah SWT:

إِنَّمَا يُؤْفَى الظَّرِيرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ..

**Maksudnya:** “Sesungguhnya orang-orang yang bersabar sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira”. (**Surah al-Zumar ayat 10**)

Sehari dua ini juga, umat Islam di negara kita diuji kesabarannya dengan beberapa isu. Antaranya isu stoking yang disulam kalimah Allah yang mulia. Ia tindakan melampau dan biadap yang tidak boleh diterima oleh umat Islam lantaran bentuk penghinaan terhadap nama Allah SWT lebih-lebih lagi ia berlaku dalam Bulan Ramadan yang mulia. Sangat mengecewakan apabila masih terhadap kalangan rakyat di negara ini yang sengaja menghidupkan api permusuhan dengan membakar isu berkaitan agama. Tidak sepatutnya perkara ini berlaku dalam masyarakat di negara ini.

Jika dilihat kembali, penghinaan terhadap Allah telah berlaku sejak zaman Baginda SAW lagi. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Taubah ayat 65:

وَلَئِن سَأَلْتُهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخْوَضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَعَائِتِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِئُونَ

<sup>2</sup> Fathul Bari Syarah Shahih al-Bukhari, 9/528

**Maksudnya:** "Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main". Katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?".

Memang kita sangat marah. Namun, janganlah kerana kemarahan itu kita bertindak melampaui batas dan melakukan tindakan sesuka hati. Kembali semula kepada konsep sabar yang telah disebutkan tadi supaya kita bertindak dalam kawalan yang dibenarkan syariat. Kita hendaklah menghormati undang-undang dan Perlembagaan negara yang termaktub. Serahkan sahaja hal ini kepada Allah SWT, Sang Penguasa langit dan bumi serta pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyelesaikannya dan mengambil tindakan yang tegas sesuai dengan kebiadaban mereka. Berbetulan pula dengan sambutan Hari Polis Ke-217 yang akan disambut pada 25 Mac setiap tahun, kita mengharapkan agar pihak Polis Diraja Malaysia memainkan peranan mereka dengan penuh integriti dan adil dalam menyelesaikan isu-isu sensitif melibatkan agama, raja dan bangsa di negara ini.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin membuat beberapa rumusan:

**Pertama:** Ramadan merupakan medan ujian kesabaran buat seluruh umat Islam. Ujian pula datang dalam pelbagai bentuk yang menuntut kepada keteguhan iman dan ketahanan mental dan fizikal.

**Kedua:** Allah SWT menjanjikan balasan yang baik kepada orang-orang yang bersabar.

**Ketiga:** Kawal diri dengan iman dengan tidak bertindak melampaui batas. Kepada Allah SWT kita serahkan segalanya dan biarkan undang-undang yang menjalankan tugasnya terhadap orang-orang yang melampaui batas.

Firman Allah SWT dalam Surah ali Imraan ayat 120:

إِنَّ تَمْسَكَكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤُهُمْ وَإِنْ تُصِبُّكُمْ سَيِّئَةٌ يَفْرَحُوا بِهَا وَإِنْ تَصِيرُوا وَتَتَّقُوا لَا

يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ

**Maksudnya:** “Kalau kamu beroleh kebaikan (kemakmuran dan kemenangan, maka yang demikian) menyakitkan hati mereka; dan jika kamu ditimpa bencana, mereka bergembira dengannya. Dan kalau kamu sabar dan bertakwa, (maka) tipu daya mereka tidak akan membahayakan kamu sedikitpun. Sesungguhnya Allah meliputi pengetahuan-Nya akan apa yang mereka lakukan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبِلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ  
 وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيَةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
 بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى  
 النَّبِيِّ يَا عَيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ  
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.  
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا  
 مُولِيَا سَرِيِّ قُدوْكَ بِكِينِدَا يَعْ دَفْرَتوَانِ اكْنُوْغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ.  
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيِّ قُدوْكَ بِكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايِسُورِيِّ اكْنُوْغْ، رَاجِ  
 زَارِيَثُ صُوفِيَاَهُ.  
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَراءَهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَزِيَا آمِنَا مُطْمَئِنَا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلَى كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَاتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ  
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلْ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،  
اللَّهُمَّ أَحْصِمْ عَدَّهُمْ عَدَّاً، وَاقْتُلْهُمْ بَدَّاً، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ  
عَوْنَاهُمْ، بَأْسَكَ الدَّيْرِ لَا يَرِدُ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرِ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ارْحِمِ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ،  
اللَّهُمَّ اكْشِفْ الغَمَةَ عَنْ أَمْتَنَا، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تُرْفَعَ الْبَلَاءُ عَنْ غَزَّةَ وَاهْلَهَا، وَأَنْ  
تُنْصِرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تُرْحِمَ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تُكْشِفَ الغَمَةَ عَنْ  
أَمْتَنَا، اللَّهُمَّ عَافَا وَالْطُّفْ بَنَا وَاحْفَظْنَا وَانْصُرْنَا وَفَرِجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اكْفِنَا  
وَآيَاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَابِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

رَبُّنَا آتَانَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.